

Newspaper
Date

Harakah
1 February 2016

Najib ulangi situasi Mahathir dalam krisis Kedah

Harakah - 1/2/2016

APA yang dikuatiri PAS Kedah, akhirnya menjadi kenyataan. Pesuruhjayanya, Dr Ahmad Fakhruddin Fakhrurazi berkata, Perhubungan PAS Kedah memandang berat krisis perebutan kuasa dalam Umno di negeri ini sehingga menyebabkan pentadbiran kerajaan negeri menjadi tempang ekoran ketidakpercayaan semua anggota Exco terhadap menteri besar sendiri.

Selepas kenyataan tersebut dikeluarkan, ternyata mesyuarat mingguan exco kerajaan negeri Kedah terpaksa dibatalkan ekoran hanya tiga dari sembilan exco yang hadir. Munasabah untuk sebahagian besar mereka tidak menghadirkan diri kerana yang mempengerusikan mesyuarat adalah Dato' Seri Mukhriz Mahathir yang sudah ditolak oleh mereka.

Episod konfrontasi terhadap menteri besar itu tidak akan terhenti di situ sahaja. Selepas ini apa-apa sahaja program yang disertai menteri besar akan menemui situasi yang sama. Sembilan exco memegang pelbagai portfolio yang menjaga kepentingan rakyat. Semuanya tidak dapat mengelak dari melaporkan kepada menteri besar sebagai ketua terhadap program yang dirancang. Sesetengahnya perlukan restu menteri besar sebelum projek berjalan. Semua itu terbantu gara-gara penolakan exco terhadap menteri besar.

Sewaktu krisis menteri besar Selangor pada 2014, pihak BN mengancam Pakatan Rakyat kerana kononnya asyik bertelagah sehingga



NOTA UTARA

ZULKIFLI YAHAYA

menjejaskan kepentingan rakyat. Apa pun Tan Sri Khalid Ibrahim ketika itu masih boleh meneruskan pentadbiran dengan sokongan empat anggota exco dari PAS.

Di Kedah kini, sekalipun tiada seorang yang meletak jawatan tetapi pentadbiran lumpuh kerana tiada komunikasi yang harmoni antara barisan exco dengan menteri besar. Setakat ini hanya seorang exco yang menyatakan sokongan terbuka terhadap Mukhriz iaitu Dato' Aminuddin Omar Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Kesenian dan Kebudayaan, Pembangunan Insan negeri. Beliau tidak hadir pada pertemuan tertutup kepimpinan Umno negeri bersama Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib Abdul Razak di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Apabila ditanya, mengapa tidak hadir, dengan tegas beliau menjawab, "Saya sokong Mukhriz."

Mengapa begitu teguh sekali sebahagian besar ketua bahagian serta wakil rakyat Umno Kedah menolak Mukhriz; yang sekali gus menzahirkan bahawa mereka adalah proksi Najib? "Semua pemimpin Umno termasuk ketua-ketua bahagian telah terjerumus dalam kancah politik 'cash is king,'

Pada semua ketika, kekuasaan dalam politik Umno-BN harus dirangkul dengan wang," ulas bekas setiausaha politik al-Marhum Ustaz Tan Sri Azizan Abdul Razak, Muhammad Sanusi Md Noor - berhubung kemelut politik Kedah. Itu kaitan paling tepat untuk menjelaskan, apa sebenarnya yang mengikat pendirian seseorang ahli politik dari Umno-BN.

Tun Dr Mahathir semasa menjadi perdana menteri dahulu pun mudah sahaja "mengikat" ahli-ahli politik kerajaan untuk berdiri teguh di belakangnya dalam semua keadaan, meskipun tindakan itu tidak popular di kalangan rakyat. Najib, tampaknya mengulangi apa pernah dibuat Mahathir.

Majoriti orang Melayu di negara ini pernah tidak menyetujui Mahathir sewaktu beliau memecat Dato' Seri Anwar dari kabinet dan Umno. Namun Mahathir berjaya memantapkan sokongan terhadap dirinya dari para pemimpin politik Umno-BN di semua peringkat. Padahalnya, rakyat memberi undi protes pada PRU 1999 sehingga PAS mampu memperoleh 27 kerusi dan Almarhum Ustaz Dato' Fadzil Mohd Noor dilantik sebagai ketua pembangkang Parlimen. PAS mampu pertahan Kelantan dan menawan Terengganu dengan sebab undi protes Melayu terhadap Mahathir dan BN.

Situasi hampir sama di Kedah kini, apabila Najib berjaya mendapatkan sokongan dari hampir semua ketua bahagian dan para pemimpin politik negeri dari

Umno. Tetapi gagal mendapat sokongan rakyat. Rakyat rata-rata berdiri teguh menyokong Mukhriz.

Najib dan proksinya menyedari situasi yang berlaku, sebab itu mereka gagal menyelesaikan krisis politik Kedah dengan mudah dan segera. Bukan setakat rakyat jelata, istana pun tidak memihak kepada proksi Najib. Jemaah Pemangku Sultan Kedah mempertegas sikap berkecuali dalam konflik yang berlaku. Ertinya, Dato' Ahmad Bashah Md Hanipah yang memimpin proksi Najib tidak dapat mengelak dari menggunakan tatacara yang sah untuk menggantikan Mukhriz mengikut Undang-Undang Tubuh Negeri. Penyelesaian yang tertangguh akan menambah kebencian rakyat

terhadap Umno yang mula mencestuskan krisis.

"Jika Najib lambat membuat keputusan dalam kemelut ini, Umno akan bungkus (berkubur) kerana beliau (Najib) membuat rakyat tertanya-tanya," kata Dato' Mohd Shariff Abu Samah, veteran pentadbiran dan politik negeri ini.

Baik suara veteran atau golongan muda, semuanya senada mengatakan krisis yang berlaku akan menyebabkan BN ditolak oleh majoriti rakyat Kedah pada Pilihan raya Umum ke-14 nanti. Terserah kepada PAS dan permuafakatan pembangkang di Kedah untuk merealisasikan hasrat rakyat menguburkan BN untuk kali kedua di negeri Jelapang Padi ini. Laluan sudah terbuka luas.

